

ACARA UTAMA



Festival Turath Islami Selangor 3.0 2025
12-20 Julai 2025
Dewan Salat Utama,
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6.00 pagi-11.00 malam

TURUT BERLANGSUNG



Festival Buku Islami 2025
17-20 Julai 2025
Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam,
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
10.00 pagi-9.00 malam



Pameran Al-Wahyu: FUNDUQ
5-20 Julai 2025
Kompleks Seni Islam Antarabangsa Selangor
(Bangunan Yayasan Restu)
9.00 pagi- 9.00 malam



Bazaar Turath
12-20 Julai 2025
Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam,
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
10.00 pagi-9.00 malam



Darul Ehsan Berselawat 2025
20 Julai 2025
Dataran Kemerdekaan Shah Alam
9.00-12.00 malam

PENGANJUR

Kerajaan Negeri Selangor

Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan
Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor
Sekretariat Turath Islami Selangor

DENGAN KERJASAMA

Selangor Research Institute
Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE)
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS)
Akademi Pemikiran Turath Al-Mustanir (APT)
Yayasan Restu
Palita Dhihin
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)
Pustaka Raja Tun Uda

DENGAN SOKONGAN

Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI)
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
Jabatan Mufti Negeri Selangor
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Asatizah Selangor
Team Selangor
Tourism Selangor
Platform Selangor (PLATS)
Galeri Ilmu

MEDIA RASMI

Media Selangor

RAKAN MEDIA

IKIM.fm
TVIKIM
Berita Harian
TV Alhijrah

www.turathislamiselangor.com

Festival Turath Islami Selangor
 turathislami

#festivalturathislamiselangor
 turathislamiselangor



TOKOH-TOKOH FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR 3.0 2025

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim Malaysia

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah Perdana Menteri Malaysia ke-10. Beliau merupakan salah seorang pengasas Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan bekas Presiden Persatuan Kebajikan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Karya beliau *Gelombang Kebangkitan Asia (Asian Renaissance)* menyuarakan gagasan agar Timur secara umum dan Asia Tenggara secara khusus menggali semula khazanah ilmu dan hikmah yang sudah menjadi tradisi rantau itu di samping mengiktiraf nilai-nilai positif dari Barat dalam usaha membangunkan negara.



YAB Dato' Seri Amirudin Shari Malaysia

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari merupakan Dato' Menteri Besar Selangor sejak 2018. Beliau adalah pencetus idea Festival Turath Islami Selangor (FTIS) yang diadakan sejak 2023 sebagai program yang menghimpunkan sarjana dan ilmuwan sebagai usaha memartabatkan warisan keilmuan Islam dalam kalangan rakyat Selangor dan Malaysia secara umumnya.

Syeikh Prof. Dr. Idris al-Kharshafi al-Maghribi

Beliau merupakan Syeikh Kursi Hadith dan Ulumuhu di Masjid Jami' al-Qarawiyyin, Universiti al-Qarawiyyin, di kota Fez. Selain itu, beliau juga adalah Profesor Pengajian Tinggi di Fakulti Syariah, Universiti Sidi Mohammed Ben Abdellah, Fez dan Ahli Majlis Hadith Nabawi Diraja di bawah naungan DYMM Amir al-Mu'minin Raja Mohammed VI, Kerajaan Maghribi.



Syeikh Prof. Emeritus Dr. Abdul Fattah al-Awari Mesir

Beliau merupakan bekas dekan Fakulti Usuluddin Universiti al-Azhar. Beliau terkenal sebagai ulama yang telah lama menekuni kitab-kitab tafsir muktabar. Beliau telah memberikan sumbangan besar dalam pendidikan Islam dan pakar dalam bidang qiraat. Antara karya beliau adalah *Qimah al-Turath al-Arabi* (Nilai Warisan Arab).

Syeikh Dr. Mohammad Akram Nadwi India/UK

Dilahirkan di Jaunpur, India (1963), beliau adalah ulama terkenal di United Kingdom. Beliau tamat pendidikan Alimiyyah Nadwatul 'Ulama dan PhD dalam Kesusasteraan Arab Universiti Lucknow. Bekas penyelidik di Oxford ini terkenal dengan karya *al-Wafa bi Asma' an-Nisa'*, sebuah himpunan biografi 10,000 ulama wanita. Beliau juga adalah penerima Hadiah Allama Iqbal atas sumbangannya dalam keilmuan Islam dan kini menerajui Cambridge Islamic College dan Al-Salam Institute.



Syeikh Dr. Majd Makki Syria/Qatar

Berasal dari Halab, Syria, beliau adalah ilmuwan bidang hadis dan aqidah dan kini berkhidmat di Qatar. Beliau menamatkan pengajian sarjana di Universiti Ummul Qura, Mekah, dan doktor falsafah di Universiti Mohammad al-Khamis, Maghribi. Beliau aktif menulis serta menyelia banyak terjemahan dan kitab. Antara karyanya yang diujang ialah *Tafsir al-Mu'in ala Tadabbur al-Kitab al-Mubin*.

Baba Haji Ghazali bin Ahmad al-Fathani (Baba Li Sekam) Patani, Thailand

Beliau merupakan Ketua Lajnah Fatwa Majlis Agama Islam Patani Pondok Sekam, Thailand. Beliau turut mengetuai dan menjadi guru besar di Pondok Maahad al-Islami li Dirasat al-Islamiah. "Baba Li" terkenal sebagai ulama yang mahir tentang kitab-kitab karangan ulama Nusantara dan sering dijemput memberikan syarahan dan ceramah di Malaysia.



Ustaz Dr. Adi Hidayat Indonesia

Berasal dari Banten, Indonesia, beliau merupakan pendakwah dan sarjana ilmu al-Quran dan hadis. Selain aktif memberikan ceramah di serata dunia, beliau juga mengasaskan Quantum Akhyar Institute dan pernah menjadi timbalan ketua Majelis Tabligh Muhammadiyah. Adi Hidayat menerima gelaran doktor kehormat daripada Universiti Muhammadiyah Jakarta pada tahun 2023.

Kiyai Haji Dr. Abdul Ghofur Maimoen Indonesia

Lebih dikenali sebagai Gus Ghofur, beliau merupakan ulama tafsir terkenal dan pengasuh Pondok Pesantren al-Anwar yang diasaskan oleh bapanya, Kiyai Haji Maimoen Zubair, salah seorang tokoh ulama paling berpengaruh dalam sejarah Islam Indonesia. Beliau merupakan graduan doktor falsafah dari Universiti Al-Azhar, Mesir, dalam bidang tafsir dan merupakan antara tokoh Nahdatul Ulama, Indonesia.



Tuan Guru Haji Abdul Rahim Pendang Malaysia

Merupakan pengasas Pondok Sungai Jagung, Pendang. Beliau belajar di beberapa pondok tradisional di sekitar Kedah dan Patani dan kemudian menyambung pengajian di Mekah. Beliau kini menumpukan pengajian di pondoknya selain turut diundang untuk mengajar di seluruh Malaysia.

Habib Dr. Ali Zaenal Abidin bin Abu Bakar al-Hamid Malaysia

Beliau adalah ilmuwan dan pendakwah terkenal yang merupakan graduan Dar al-Mustafa, Yaman, dan Universiti Al-Azhar, Mesir. Beliau memperoleh ijazah doktor falsafah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau turut dilantik sebagai profesor adjung, Universiti Malaysia Sarawak dan aktif sebagai panel dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).




Prof. Madya Dr. Umar Muhammad Nor Malaysia

Beliau merupakan pensyarah dan penyelidik di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau merupakan pakar dalam bidang hadis serta aktif menerbitkan karya ilmiah, antaranya *Aliran Kritik Hadis Semasa dan Kemuliaan Ahli Hadith*.

Maulana Ahmad Lutfi bin Muharam Malaysia

Merupakan tenaga pengajar ilmu fekah dan usul fekah di Madrasah Miftahul Ulum, Seri Petaling, Selangor. Beliau menamatkan pengajian Dauratul Hadis di Miftahul Ulum, Seri Petaling, dan melanjutkan pelajaran dalam bidang fekah di Ribat Syaikh Haidar, Yaman. Beliau aktif berdakwah di seluruh negara selain turut menjadi panel program Tahsinul Ibadah di Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).



Ustaz Iqbal Zain al-Jauhari Malaysia

Beliau merupakan pendakwah dan pemimpin Majlis Ta'lim Darul Mujtaba, Kuala Lumpur. Beliau mendalami ilmu tafsir, hadis dan perbandingan agama di Darul Ulum Zakariyya, Afrika Selatan dan Tarim, Yaman. Beliau melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS), Malaysia. Ustaz Iqbal aktif berceramah dan turut terlibat dalam pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) Islam.



Syeikh Mohd Nazrul bin Hj. Abdul Nasir al-Azhari Malaysia

Beliau adalah seorang pendakwah yang aktif di Malaysia dan terkenal dengan pengajian ilmu agama tradisional serta banyak terlibat dalam aktiviti dakwah masyarakat. Penerima Anugerah Pendakwah Negara Yadim ini merupakan pengasas pusat pengajian Zawiyah Nasiriyyah di Kedah dan banyak menyampaikan ceramah di pelbagai institusi keagamaan di seluruh negara.

Ustaz Muhammad Noorazam bin Bahador al-Azhari Malaysia

Beliau merupakan mudir pusat pengajian Pondok Syeikh Daud al-Fathani li Takwin al-Ulama dan turut aktif menyampaikan ceramah dan pengajian ilmu agama di pelbagai institusi dan di media arus perdana.



Ustaz Ahmad Faiz bin Mohd Khalil al-Azhari Malaysia

Ustaz Ahmad Faiz bin Mohd Khalil al-Azhari merupakan pengasas Akademi Pemikiran Turath (APT) yang banyak menterjemah karya ulama daripada bahasa Arab. Beliau aktif memberikan syarahan dan ceramah di seluruh negara selain turut mengadakan program-program pengajian berbentuk daurah yang menampilkan para ulama dari luar negara.

Maulana Abdullah Amir Malaysia

Beliau selesai menghafal 30 juzuk al-Quran dan syahadah hafiz di Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling sebelum menyambung pengajian Daurah Hadis Kutub Sittah dan kitab Muwatta' Imam Malik serta Imam Muhammad. Pernah dilantik sebagai Panel Penyelidik Fatwa Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Sejak 2020, beliau menjadi tenaga Pengajar Pengajian Alim di Maahad Tahfiz as-Salihin, Sikamat dan pada tahun 2023, dilantik sebagai Panel Penyelidik Hadis JAKIM.




Ustaz Dr. Mohd Ramadhan Fitri Malaysia

Beliau merupakan pakar dalam bidang kewangan Islam dan syariah. Beliau pernah menjawat jawatan ketua unit perundingan dan pembangunan syariah di RHB Islamic Bank serta pengurus syariah di Maybank Investment Bank. Kini, beliau berkhidmat sebagai ketua jabatan di Maybank Islamic.

Habib Najmuddin Othman al-Khered Malaysia

Beliau merupakan seorang pendakwah terkenal yang banyak menyampaikan pengisian agama di seluruh negara. Beliau juga merupakan mudir Timbalan Pengerusi Yayasan ar-Riyah, Kuala Lumpur.



TENTANG FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR 3.0 2025

Penganjuran Festival Turath Islami Selangor (FTIS) yang bermula sejak tahun 2023 adalah iltizam Kerajaan Negeri Selangor untuk menghidupkan khazanah turath Islam dalam kehidupan masyarakat. Bertitik tolak daripada gagasan Dato' Menteri Besar Selangor Dato' Seri Amirudin bin Shari, FTIS bertujuan untuk menyemarakkan kembali minat masyarakat terhadap kitab-kitab turath yang menjadi lambang kehebatan keilmuan Islam dan sumber kebijaksanaan dalam menangani pelbagai kemelut dunia moden.



Turath Islam atau warisan intelektual Islam adalah khazanah ilmu yang tidak ternilai, meliputi pelbagai bidang seperti tafsir, hadis, fekah dan tasawuf. Warisan keilmuan ulama silam ini berperanan sebagai panduan bagi kehidupan umat Islam, bukan sekadar dokumen sejarah tetapi sebagai sumber ilmu yang membantu memahami wahyu, melaksanakan hukum syarak dan memupuk akhlak mulia.

Bagi penganjuran tahun 2025, FTIS yang bertemakan **Mendalami Khazanah Warisan Islam** akan mengangkat kitab *Pengantar Ilmu Tafsir* dan karya agung *Tafsir al-Jalalain* yang ditulis oleh ulama terkemuka Jalaluddin as-Suyuti dan Jalaluddin al-Mahalli. Karya-karya ini bukan sahaja menjadi panduan utama dalam memahami al-Quran, tetapi juga contoh terbaik keilmuan Islam yang disampaikan dalam bentuk ringkas, jelas dan padat.

FTIS 3.0 2025 menawarkan pelbagai program pengisian ilmu dan rohani seperti sesi pengajian daurah, syarahan, kuliah dan bacaan Dalail Al-Khairat. Selain pengisian seperti Konsert Alunan Mahabbah dan Pameran Al-Wahyu yang telah diperkenalkan sejak tahun lalu, festival kali ini turut akan memperkenalkan dua acara baru iaitu program Bual Bicara Turath dan Festival Buku Islami 2025.

Dengan pengisian yang padat dan mapan, FTIS 3.0 2025 diharap menjadi platform yang penuh keberkatan dan memberi manfaat besar kepada rakyat Selangor serta Malaysia secara amnya, memperkukuh kedudukan Selangor sebagai pemimpin dalam usaha memartabatkan warisan keilmuan Islam.

KITAB TUMPUAN FTIS 3.0 2025

Dalail al-Khairat
Muhammad bin Sulaiman al-Jazuli

Pengantar Ilmu Tafsir
Jalaluddin as-Suyuti

Tafsir Al-Jalalain
Jalaluddin al-Mahalli & Jalaluddin as-Suyuti

Dapatkan kitab-kitab ini di

FESTIVAL BUKU ISLAMI 2025

17-20 Julai 2025



#ftis2025
#festivalturath
#turathiselangor



فستیوال ترث اسلامی سلاڠور

FESTIVAL TURATH ISLAMI — SELANGOR —

3.0



12-20 JULAI
2025

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
(Masjid Negeri Selangor)
Shah Alam, Selangor.

Mendalami
Khazanah
Warisan Islam

TERBUKA
KEPADA SEMUA
MASUK
PERCUMA





ATURCARA PENUH

*Jadual dan kehadiran tokoh adalah tertakluk kepada perubahan

12 JULAI SABTU (HARI PERTAMA)

Masa	Acara	Lokasi
08:00	Selawat Harian Dalail al-Khairat	
08:30 -12:00	Perasmian Festival Turath Islami Selangor 2025 Ucapan alu-aluan oleh: Y.Bhg. Dato' Johary Anuar Pengerusi Jawatankuasa Induk FTIS25 Ucapan khas: Y.A.D. SS Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir Mufti Negeri Selangor Dirasmikan oleh: Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari Dato' Menteri Besar Selangor Daurah Pengantar Ilmu Tafsir (Sesi 1) Syeikh Prof. Emeritus Dr. Abdul Fattah al-Awari	
16:45 -18:30	Daurah Pengantar Ilmu Tafsir (Sesi 2) Syeikh Prof. Emeritus Dr. Abdul Fattah al-Awari	
19:30 -20:30	Marhaban Kumpulan Marhaban Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	
20:45 -23:00	Daurah Pengantar Ilmu Tafsir (Sesi 3) Syeikh Prof. Emeritus Dr. Abdul Fattah al-Awari	

13 JULAI AHAD (HARI KEDUA)

Masa	Acara	Lokasi
06:00 -07:00	Kuliah Subuh Syeikh Mohd Nazrul bin Hj. Abdul Nasir al-Azhari	
08:00	Selawat Harian Dalail al-Khairat	
09:00 -12:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 1) Surah Al-Fatihah & Yaasiin Syeikh Prof. Dr. Idris al-Kharshafi al-Maghribi	
16:45 -18:30	Daurah Surah Pilihan (Sesi 2) Surah Al-Fatihah & Yaasiin Syeikh Prof. Dr. Idris al-Kharshafi al-Maghribi	
19:30 -20:30	Kuliah Maghrib Ustaz Muhammad Noorazam bin Bahador al-Azhari	
20:45 -23:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 3) Surah Al-Fatihah & Yaasiin Syeikh Prof. Dr. Idris al-Kharshafi al-Maghribi	

14 JULAI ISNIN (HARI KETIGA)

Masa	Acara	Lokasi
06:00 -07:00	Kuliah Subuh Prof. Madya Dr. Umar Muhammad Noor	
08:00	Selawat Harian Dalail al-Khairat	
09:00 -12:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 4) Surah Al-Waqi'ah Syeikh Prof. Emeritus Dr. Abdul Fattah al-Awari	

Masa	Acara	Lokasi
16:45 -18:30	Daurah Surah Pilihan (Sesi 5) Surah Al-Waqi'ah Syeikh Prof. Emeritus Dr. Abdul Fattah al-Awari	
19:30 -20:30	Qasidah Kumpulan AhbabulHabib (Darul Murtadza)	
20:45 -23:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 6) Rumusan Surah Al-Waqi'ah Syeikh Prof. Dr. Idris al-Kharshafi al-Maghribi	

15 JULAI SELASA (HARI KEEMPAT)

Masa	Acara	Lokasi
06:00 -07:00	Kuliah Subuh Tuan Guru Haji Abdul Rahim Pendang	
08:00	Selawat Harian Dalail al-Khairat	
09:00 -12:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 7) Surah Al-Mulk Syeikh Dr. Mohammad Akram Nadwi	
16:45 -18:30	Daurah Surah Pilihan (Sesi 8) Surah Al-Mulk Syeikh Dr. Mohammad Akram Nadwi	
19:30 -20:30	Kuliah Maghrib Ustaz Iqbal Zain al-Jauhari	
20:45 -23:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 9) Surah Al-Mulk Syeikh Dr. Mohammad Akram Nadwi	

16 JULAI RABU (HARI KELIMA)

Masa	Acara	Lokasi
06:00 -07:00	Kuliah Subuh Habib Dr. Ali Zaenal Abidin bin Abu Bakar al-Hamid	
08:00	Selawat Harian Dalail al-Khairat	
09:00 -12:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 10) Surah Al-Kahfi Syeikh Dr. Mohammad Akram Nadwi	
16:45 -18:30	Daurah Surah Pilihan (Sesi 11) Surah Al-Kahfi Syeikh Dr. Mohammad Akram Nadwi	
19:30 -20:30	Marhaban Kumpulan Al-Madad	
20:45 -23:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 12) Surah Al-Kahfi Syeikh Dr. Mohammad Akram Nadwi	

17 JULAI KHAMIS (HARI KEENAM)

Masa	Acara	Lokasi
06:00 -07:00	Kuliah Subuh Maulana Ahmad Lutfi bin Muharam	
08:00	Selawat Harian Dalail al-Khairat	
09:00 -12:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 13) Surah Al-Rahman Syeikh Dr. Majd Makki	
10:00 -21:00	Festival Buku Islami 2025 (Hari Pertama)	
16:45 -18:30	Daurah Surah Pilihan (Sesi 14) Surah Al-Rahman Syeikh Dr. Majd Makki	
19:30 -20:30	Kuliah Maghrib Baba Haji Ghazali bin Ahmad (Baba Li Sekam)	
20:45 -23:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 15) Surah Al-Rahman Syeikh Dr. Majd Makki	

18 JULAI JUMAAT (HARI KETUJUH)

Masa	Acara	Lokasi
06:00 -07:00	Syarah Kitab Dalail al-Khairat (Sesi 1) Kiyai Haji Dr. Abdul Ghofur Maimoen	
08:00	Selawat Harian Dalail al-Khairat	
09:00 -12:00	Daurah Surah Pilihan (Sesi 16) Surah Al-Hujurat Ustaz Dr. Adi Hidayat	
10:00 -21:00	Festival Buku Islami 2025 (Hari Kedua)	
16:45 -18:30	Daurah Surah Pilihan (Sesi 17) Surah Al-Hujurat Ustaz Dr. Adi Hidayat	
19:30 -20:30	Syarah Kitab Dalail al-Khairat (Sesi 2) Kiyai Haji Dr. Abdul Ghofur Maimoen	
20:45 -23:00	Syarah Perdana: Pedoman Mendidik Anak ke Arah Menghargai Warisan Keilmuan Islam Ustaz Dr. Adi Hidayat Tetamu Kehormat: • Y.A.B Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia • Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor	

19 JULAI SABTU (HARI KELAPAN)

Masa	Acara	Lokasi
06:00 -07:30	Kuliah Subuh Ustaz Ahmad Faiz bin Mohd Khalil al-Azhari	

Masa	Acara	Lokasi
09:00 -12:00	Bual Bicara Turath Ucapan pembukaan: Y.A.D. SS Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir Mufti Negeri Selangor Ucapan alu-aluan oleh: Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Shari Dato' Menteri Besar Selangor SESI 1: "Tafsir Era Moden: Antara Memelihara Tradisi & Tajdid" Syeikh Dr. Mohammad Akram Nadwi Maulana Ahmad Lutfi bin Muharam (Moderator) Habib Dr. Ali Zaenal Abidin bin Abu Bakar al-Hamid (Panel 1) Ustaz Dr. Mohd Ramadhan Fitri (Panel 2)	
10:00 -21:00	Festival Buku Islami 2025 (Hari Ketiga)	
14:00 -16:00	Bual Bicara Turath SESI 2: "Isu-isu Semasa dalam Bidang Tafsir" Syeikh Dr. Majd Makki Maulana Abdullah Amir (Moderator) Baba Hj Ghazali bin Ahmad al-Fathani (Panel 1)	
17:00 -19:00	Bual Bicara Turath SESI 3: "Tafsir Mufasssirin di Maghribi & Magharibah" Syeikh Prof. Dr. Idris al-Kharshafi al-Maghribi Ustaz Muhammad Noorazam bin Bahador (Moderator) Habib Najmuddin Othman al-Khered (Panel 1) Ustaz Iqbal Zain al-Jauhari (Panel 2)	
20:00 -00:00	Darul Ehsan Berselawat Konsert Terbuka	

20 JULAI AHAD (HARI KESEMBILAN)

Masa	Acara	Lokasi
10:00 -21:00	Festival Buku Islami 2025 (Hari Keempat)	
20:00 -00:00	Konsert Alunan Mahabbah Konsert Terbuka	



5-20 Julai 09:00-21:00 **Pameran Al-Wahyu: Funduq**
12-20 Julai 14:00-16:00 **Lawatan bersama Kurator Pameran Al-Wahyu**



SENARAI SEMAK

KEHADIRAN PROGRAM FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR 3.0 2025

ACARA UTAMA

- ☐ Perasmian FTIS 2025
- ☐ Daurah Pengantar Ilmu Tafsir
 - ☐ Sesi 1
 - ☐ Sesi 2
 - ☐ Sesi 3
- ☐ Syarahan Perdana
- ☐ Bual Bicara Turath
 - ☐ Sesi 1
 - ☐ Sesi 2
 - ☐ Sesi 3
- ☐ Syarah Kitab Dalail al-Khairat
 - ☐ Sesi 1
 - ☐ Sesi 2

KULIAH SUBUH

- ☐ 13 Julai (Ahad)
- ☐ 14 Julai (Isnin)
- ☐ 15 Julai (Selasa)
- ☐ 16 Julai (Rabu)
- ☐ 17 Julai (Khamis)
- ☐ 19 Julai (Sabtu)

KULIAH MAGHRIB

- ☐ 13 Julai (Ahad)
- ☐ 15 Julai (Selasa)
- ☐ 17 Julai (Khamis)

MARHABAN & QASIDAH

- ☐ 12 Julai (Sabtu)
- ☐ 14 Julai (Isnin)
- ☐ 16 Julai (Rabu)

TURUT BERLANGSUNG

- ☐ Festival Buku Islami 2025
- ☐ Pameran Al-Wahyu: FUNDUQ
- ☐ Bazaar Turath
- ☐ Konsert Alunan Mahabbah
- ☐ Darul Ehsan Berselawat

CAP FESTIVAL

Lengkapkan koleksi empat cap sempena Festival Turath Islami Selangor 3.0 2025 untuk menerima hadiah istimewa. Cap ditempatkan di pintu utama setiap lokasi manakala hadiah boleh ditebus di kaunter pendaftaran di pintu utama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

FESTIVAL TURATH
ISLAMI SELANGOR 3.0 2025

PAMERAN AL-WAHYU:
FUNDUQ

MASJID SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH

FESTIVAL BUKU
ISLAMI 2025